

# Tiga lombong pasir tutup

Penduduk sokong tindakan diambil PTD kerana kegiatan di Kampung Keru Hilir, Pendoi didakwa punca banjir



JAAFAR MULUP / BERITA HARIAN

Oleh Jaafar Mulup

**T**AMPIN: Selaras keputusan kerajaan negeri membekukan pengeluaran permit melombong pasir, usaha pemantauan terus digerakkan secara aktif bagi meninjau operasi lombong sedia ada untuk mengkaji kesannya kepada alam sekitar.

Tidak terkecuali di daerah ini dengan tumpuan diberikan kepada lombong pasir berhampiran kawasan penempatan penduduk yang sering dilanda banjir dengan puncanya didakwa akibat kegiatan perlombongan terbabit.

Hasil satu gerakan baru-baru ini, tiga lombong pasir di Kampung Keru Hilir dan Pendoi, dekat sini diarah menghentikan serta-merta operasinya oleh Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Tampin.

Tindakan itu bagi membolehkan kajian semula dilakukan terhadap operasi ketiga-tiga lombong berkenaan yang selama ini didakwa sebagai punca berlakunya banjir di penempatan berhampiran.

Jabatan Tanah dan Galian akan menyemak semula peraturan pengeluaran permit bagi tujuan itu selepas mendapat pandangan agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Pertanian.



**TIDAK BEROPERASI:** Lombong pasir di Kampung Keru Hilir diarah tutup untuk kajian semula kesannya ke atas alam sekitar.

**“**Oleh kerana diarahkan berhenti, kami akur. Tindakan selanjutnya diserahkan kepada majikan supaya lombong ini dibenarkan beroperasi semula selepas ini”

Penyelia lombong

## FAKTA

### Pembekuan permit melombong pasir oleh Kerajaan Negeri Sembilan

- Keputusan dibuat oleh mesyuarat Exco pada 10 Januari 2007.
- Membabitkan pemilikan tanah kerajaan atau persendirian
- Permit sedia ada akan dikaji dari semasa ke semasa
- Bertujuan mengelak risiko kepada alam sekitar dan orang ramai.

Jika tiada bantahan diterima daripada agensi berkenaan, pemegang permit perlu mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan sebelum dibenarkan beroperasi semula.

Tinjauan *Berita Harian* sebelum notis arahan pemberhentian diserahkan kepada wakil syarikat lombong itu mendapati, lombong pasir di Kampung

Keru Hilir dan Kampung Pendoi itu giat beroperasi dengan beberapa lori kelihatan berulang-alik mengangkut pasir.

Hasil bumi yang dikeluarkan dari lombong berkenaan difahamkan dihantar ke Melaka dan Seremban serta beberapa kawasan di daerah ini.

Sementara itu, penyelia lombong berkenaan yang enggan namanya

diiarkan, mengakui terperanjat dengan arahan kerajaan negeri, tetapi akur dengan keputusan itu.

Sementara itu, beberapa penduduk setempat yang ditemui menyokong tindakan kerajaan negeri mengarahkan lombong pasir berhampiran penempatan mereka menghentikan operasi.

Sebelum ini, penduduk mendakwa

banjir lumpur setiap kali hujan lebat berterusan yang melanda penempatan mereka berpunca daripada kegiatan melombong pasir.

"Pengusaha lombong terpaksa membuat laluan untuk lori keluar masuk mengangkut pasir serta membuang lapisan tanah di atas sebelum pasir dapat disedut.

"Tindakan itu menyebabkan sisa pasir

dan lumpur dari kawasan lombong dan sepanjang laluan keluar masuk mengalir bersama banjir," kata seorang penduduk yang enggan dikenali.

Dalam kejadian banjir terbaru pada 19 Disember lalu, lapan rumah penduduk di Kampung Keru Hilir dinaiki air sehingga 1.5 meter yang turut disertai lumpur, memaksa penduduk membersihkan kediaman mereka selepas banjir surut.



**SURAM:** Satu lagi lombong pasir yang diarah tutup.